

Giat semak status terkini asnaf

LZS turun padang bagi memastikan bantuan zakat yang disalurkan bertepatan dengan keperluan penerima

KUALA LANGAT - Lembaga Zakat Selangor (LZS) giat menjalankan program 'Task Force' bagi menyemak semula bantuan zakat bagi 15,789 keluarga asnaf fakir dan miskin di seluruh Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Hussin Mohd Ali berkata, operasi turun padang ini bertujuan menyemak status terkini keluarga asnaf fakir miskin agar bantuan zakat yang disalurkan bertepatan dengan keperluan sesebuah keluarga.

Menurutnya, operasi ini memfokuskan penerima bantuan LZS bagi kewangan dan makanan bulanan, sewa rumah, perubatan dan hari raya.

"Ia telah diadakan sejak awal September lalu dan mendapat kerjasama daripada penolong amil ka-

riah. Melalui operasi ini, semakan dan siasatan terus ke rumah asnaf yang telah dikenal pasti dijalankan di setiap lokasi," katanya dalam Sidang Media selepas mengadakan ziarah ke 10 rumah sekitar Labohan Dagang, di sini, semalam.

Hussin berkata, siasatan yang dilaksanakan ini berdasarkan maklumat pada borang asnaf fakir dan miskin di mana semakan status terkini akan dikemas kini bagi menilai sama ada pendapatan seisi keluarga asnaf ini di bawah haddul kifayah (garis minimum kecukupan).

Katanya, ia bagi memastikan penyaluran bantuan zakat untuk tahun 2017 mengikut keperluan dan syarat kelayakan sesebuah keluarga.

"Saya jangkakan program ini akan berakhir pada 24 November ini mem-



Rubiah menceritakan pengalaman hidupnya membesarkan empat anak perempuan.



“Buat masa ini tujuh anak pakcik masih belajar dan yang bongsu baru berusia tiga tahun dan masih memerlukan sokongan kami suami isteri. Tapi Alhamdulillah pakcik masih mendapat bantuan zakat hingga hari ini.” - Supiron

babitkan 89 siri di seluruh Selangor," katanya.

Bagi seorang ibu tunggal, Rubiah Rothu, 40, membesarkan empat anak perempuan bukanlah mudah membuat dia terpaksa menampung perbelanjaan keluarga dengan mengambil upah menjahit baju.

Katanya, dia mempunyai pendapatan sekitar RM500 sebulan dengan mengambil upah RM30 hingga RM35 sepasang baju namun bergantung dengan masa yang sesuai.

"Selepas saya berpisah dengan suami segala perbelanjaan anak-anak saya tanggung tapi mujur LZS ada bagi saya mesin jahit, jadi sekurang-kurangnya dapat bantu saya ambil menjahit pakaian.

Tapi bila mengenangkan anak-anak belajar lagi, akak kena kuatlah untuk ambil tempahan baju sara anak-anak," katanya yang bersyukur kerana masih menerima bantuan zakat.

Bagi Mohd Supiron Ibrahim, 69, mempunyai 14 anak membuatkan-

nya terpaksa hidup serba serbi dalam kesederhanaan.

Katanya, dia terpaksa membuat isterinya membuat ktiuh bawil sekiranya menerima tempahan.

"Buat masa ini tujuh anak pakcik masih belajar dan yang bongsu baru berusia tiga tahun dan masih memerlukan sokongan kami suami isteri.

"Tapi Alhamdulillah pakcik masih mendapat bantuan zakat hingga hari ini," katanya.

Hanya mahu lihat Aien kembali sihat



Samingan (berdiri, tiga kiri) bersama Hafez (kiri) ketika menziarahi keluarga Aien di rumahnya di Kanchong Darat.

Sumbangan boleh disalurkan ke:
Bank Islam:
1207-4022-4218-97
Penama: Murni Moain.
Atau hubungi talian:
011-12293979.

KANCHONG DARAT

Tatkala melihat kelincihan Puteri Aien Hairul Sha, 11, siapa sangka dia sebenarnya mengalami implikasi kerosakan usus besar (severe enterocolitis).

Ibunya, Murni Moain, 34, berkata, anak sulungnya itu berdepan dengan masalah untuk membuang air besar sejak berumur setahun sehingga terpaksa berulang alik ke hospital bagi mendapatkan rawatan.

Menurutnya, selepas menjalani pembedahan April lalu, sebahagian usus terpaksa dikeluarkan untuk proses perkumuhan sementara menunggu proses seterusnya.

"Akak reda dengan apa yang berlaku dan yakin Aien dapat kembali normal seperti sedia kala apabila doktor pun

bagi tahu keadaan ususnya boleh dipulihkan.

"Cumanya akak risau bila Aien ni terlalu aktif, takut boleh mengganggu proses pemulihan seterusnya... kemudian untuk kembali normal pula akak bimbang lambat," katanya yang mengakui anaknya sangat aktif dan gemar bermain bola jaring.

Murni berkata, hanya bergantung dengan pendapatan suaminya yang bekerja kilang sebanyak RM1900, sudah pasti ia tidak mencukupi untuk menyara keluarga termasuk seorang lagi anak perempuannya berusia tiga tahun.

"Buat masa ini Lembaga Zakat memang beri bantuan ostomy bag dua kotak bernilai RM400 dan kami terpaksa beli lagi satu kotak tambahan.

"Lain-lain tu kos beli susu khas, vitamin, pencuci (steril) untuk bersih kawasan usus Aien kami terpaksa tanggung

sendiri," katanya ketika menerima kunjungan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kanchong Darat, Samingan Samin bersama Pengerusi Belia 4B Kuala Langat, Hafez Shuriddin di rumahnya di Kanchong Darat.

Bapa Aien, Hairul Sha Juberi, 37, anaknya pernah beberapa kali dimasukkan ke wad dan mendapatkan rawatan di unit kecemasan namun bersyukur anaknya masih sihat.

"Apa yang saya harapkan proses pemulihan anak saya ni akan segera beransur pulih, walaupun saya faham ia bergantung kepada aktiviti anak saya sendiri.

"Tapi saya yakin anak kami dapat kembali sihat seperti anak-anak lain," katanya Aien kini mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur.

ISU

PENCEMARAN NAJIS BABI DI KAMPUNG BATU LAUT, SELANGOR

Laporan siasatan, cadangan JAS 3 hari lagi

Putrajaya: Jabatan Alam Sekitar (JAS) dijangka mengeluarkan laporan siasatan lengkap dan cadangan penyelesaian berhubung isu pencemaran najis babi terhadap Sungai Giling dekat Kampung Batu Laut, Sepang, dalam tempoh tiga hari lagi.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata beliau sudah mengarahkan Ketua Pengarah JAS, Datuk Dr Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim, mengeluarkan satu laporan lengkap mengenai isu berkenaan.

Beliau berkata, JAS juga diarah untuk memaklumkan pelan tindakan jangka pendek dan panjang, yang sesuai bagi menangani isu itu, sekali gus menyelesaikan masalah yang membelenggu penduduk di kawasan berkenaan.

Pindah ladang babi

"Jika ia (ladang babi) terlalu dekat dengan penempatan penduduk, saya akan berbincang dengan pelbagai pihak lain untuk memindahkan ladang babi itu jauh dari kawasan penempatan. Sebaik laporan ini siap, saya akan berbincang dengan beberapa pihak lain bagi langkah penyelesaian seterusnya.

"Sebarang keputusan yang dibuat kelak akan mengambil kira sudut kepentingan semua pihak berkepentingan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Hari Inovasi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, di sini semalam.

BH sebelum ini melaporkan keluhan penduduk terutama di Kampung Batu Laut, berkaitan isu pencemaran najis babi yang bukan hanya menghimpit penduduk malah menimbulkan pelbagai kesan buruk kepada sektor ekonomi dan pelancongan setempat.

Pelupusan sisa dan najis babi yang tidak sempurna menyebabkan ia terkumpul sekitar pantai, kualiti sungai dan tanjung, hingga menyebabkan pencemaran teruk.

Penduduk turut mendakwa, najis babi sudah mula mengalir ke kawasan pelancongan sekitar perairan Bagan Lalang dan mencemari Pantai Morib iaitu dua kawasan rekreasi utama yang menjadi tumpuan ramai pada hujung minggu serta cuti umum.

Info

Pencemaran najis babi

→ Hanya 31 daripada 132 ladang ternakan babi yang beroperasi di daerah Kuala Langat berlesen

→ 20 pengusaha belacan Kampung Batu Laut gulung tikar apabila sungai tempat mereka mencair udang geragau dicemari




FOTO MUHAMMAD SULAIMAN/BH

Deretan kandang babi di sekitar Kampung Batu Untong Tanjung Sepat.

BH PLUS

di www.bharian.com.my

untuk lebih gambar dan video

'Janji manis hanya untuk redakan kemarahan'

➔ Masyarakat tak yakin kerajaan negeri boleh selesaikan isu

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

➔ Tanjung Sepat

Masyarakat setempat tidak yakin Kerajaan Selangor mempunyai kesungguhan untuk menyelesaikan isu penternakan babi, yang menjadi punca pencemaran sungai dan pantai serta bau busuk menyelubungi kehidupan mereka di sini.

Mereka percaya, perhatian dan janji kerajaan negeri menyelesaikan isu itu hanyalah janji manis bagi meredakan kemarahan orang ramai, khususnya penduduk Melayu, susulan pendedahan media sejak seminggu lalu.

Hakikat itu jelas terbukti, apabila setakat ini kerajaan negeri menerusi pihak berkuasa tempatan (PBT) langsung tidak bertindak mengambil tindakan termasuk meroboh kandang babi tanpa lesen di kawasan terabit, meskipun sudah memberi No-



Setakat sehari dua ini, saya tidak melihat pun mana-mana pegawai masuk untuk memeriksa pencemaran yang kami hadapi"

Ahmad Abd Karim,
Pengerusi JKPP Kampung Batu Laut

tis Pemberitahuan Kesalahan (NPK).

Tak lihat pegawai masuk

Pengerusi Jawatankuasa dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKPP), Kampung Batu Laut, Ahmad Abd Karim, berkata beliau tidak yakin dengan janji yang dibuat Kerajaan Selangor bahawa isu penternakan babi di kawasan terabit akan diselesaikan.

Beliau berkata, kali terakhir penduduk dipanggil berbincang dengan kerajaan negeri adalah ketika projek pemodenan penternakan babi diumumkan kira-kira lapan tahun lalu.

"Kerajaan Negeri membangkitkan isu babi di kampung ini selepas pendedahan di media massa sahaja. Namun setakat sehari dua ini, saya tidak melihat pun mana-mana pegawai masuk untuk memeriksa pencemaran yang kami hadapi," katanya.

Ahmad yang juga anak jati kawasan ini, mendakwa ladang ternakan babi meningkat selepas wabak JE melanda sekitar Bukit Pelanduk di Port Dickson, Negeri Sembilan kira-kira dua dekad lalu, menyebabkan penternaknya berpindah ke sini.

Walaupun tanah berhampiran kandang asal ditawarkan harga mahal oleh penternak yang membelinya, kawasan ta-

nah lain milik penduduk yang terjejas akibat pencemaran serta diselubungi bau busuk mengalami kemerosotan harga hingga 45 peratus.

Nilai tanah menyusut

Tanah sekitar Kampung Batu Laut yang asalnya dinilai sekitar RM180,000 bagi 0.4 hektar, kini merosot kepada RM100,000 kerana pencemaran yang terjadi pada tanah itu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Sungai Mesuk, Jamaluddin Bulat, berkata pihaknya tidak pernah ditemui mana-mana pihak yang mahu menyelesaikan perkara itu.

"Isu ini sering didakwa akan diselesaikan tetapi bilangan kandang babi di sini bukan semakin berkurangan sebaliknya makin banyak," katanya.

"Mereka tidak pernah datang bertemu kami selama bertahun-tahun kebelakangan ini. Jangan hanya kata bahawa isu ini sudah hampir selesai atau sedang dibincangkan kerana yang menderita adalah penduduk kampung," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, RD Monisha mendakwa tidak pernah melihat pegawai kerajaan selain anggota polis yang melakukan pemeriksaan atau rondaan sekitar kandang babi yang terletak di hadapan rumahnya dekat Tanjung Batu.